

| | | | |
|-------------------|-------------------------------|--------------------|---------------------------|
| Headline | Pindah rusa demi pokok | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 14 Jan 2015 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 825,000 |
| Page No | 33 | Readership | 2,475,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 361 cm² |
| Journalist | Nur Lela Zulkigli | AdValue | RM 13,999 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 41,997 |



Pindah rusa demi pokok

■ **Kehadiran
haiwan punca
tanaman
Taman Botani
Perdana rosak**

Oleh Nur Lela Zulkigli dan
Nadzreen Shah

Taman Rusa yang terletak di dalam Taman Botani Perdana, di sini, akan ditutup buat selama ini bagi memelihara pokok yang berusia ratusan tahun di taman berkenaan.

Taman seluas 1.2 hektar itu akan dijadikan pusat himpunan tanaman unik selepas 52 ekor rusa dipindahkan ke Universiti Putra Malaysia (UPM) atau Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dalam masa terdekat.

Datuk Bandar Kuala Lum-

pur Datuk Seri Ahmad Phesal Abdul Talib berkata keputusan itu sudahpun dipersejui semua pihak menganggap haiwan berkenaan didapati sering melakukan kerosakan terhadap pokok yang berharga.

"Habitat rusa yang gemar mengasah tanduk di batang pokok boleh mengakibatkan tanaman itu semakin rosak dan ini membuktikan bahawa ia tidak sesuai untuk berada di Taman Botani Perdana."

"Kita terpaksa memindah-

kan semua rusa berkenaan sebelum tanaman yang berusia ratusan tahun musnah," katanya selepas merasmikan Seminar Pembentukan Kerjasama Taman Botani Malaysia, di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Datuk Dr Abdul Latif Mahmud.

Katanya, perkara sama sudahpun dilakukan terhadap kambing kira-kira dua tahun lalu bagi memelihara rumput di taman berkenaan.

Menurut Ahmad Phesal,


seminar berkenaan bertujuan mewujudkan rangkaian hubungan dan kerjasama antara taman botani di seluruh negara.

"Setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) akan menekankan empat elemen penting dalam membangunkan

Taman Botani iaitu pemeliharaan, pendidikan, pelancongan dan penyelidikan.

"Melalui elemen berkenaan, kita percaya Taman Botani di negara ini akan berada setanding dengan negara maju," katanya.

| | | | |
|-------------------|-------------------------------|--------------------|---------------------------|
| Headline | Pindah rusa demi pokok | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 14 Jan 2015 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 825,000 |
| Page No | 33 | Readership | 2,475,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 361 cm² |
| Journalist | Nur Lela Zulkipli | AdValue | RM 13,999 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 41,997 |



SEBAHAGIAN rusa yang berada di Taman Rusa di Taman Botani Perdana.